

UCAPAN / PERUTUSAN TAHUN BARU OLEH YAB
PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN
ONN, YANG AKAN DISIARKAN MELALUI
RADIO DAN TV MALAYSIA PADA 31HB
DISEMBER, 1976 JAM

Besok kita akan melangkah masuk ke tahun baru 1977. Kita meninggalkan tahun 1976 setelah mengalami beberapa dugaan dan ujian. Kita memasuki tahun baru ini dengan penuh ketabahan, keazaman serta kesedaran, bagi menghadapi segala cabaran dan ujian.

2. Menjelang tahun baru ini, marilah kita merenung kembali, mengingati peristiwa penting yang telah berlaku. Ini meliputi segala tindakan dan kegiatan yang telah kita lakukan dalam tahun 1976. Tujuan mengkaji ini ialah, supaya kita akan lebih berhati-hati menghadapi tahun 1977 ini

bagi mencapai kemajuan dan kejayaan yang
lebih tinggi lagi.

3. Dalam menghadapi tahun baru ini, kita patutlah mengambil pertimbangan akan segala kelemahan dan kekurangan kita agar kita dapat meningkatkan lagi keupayaan dan kebolehan rakyat bagi kemungkinan menempuhi cabaran yang lebih besar lagi. Demikian juga supaya tahun 1977 ini, boleh memperkukuh *kan* asas masa depan negara, serta memberikan jaminan yang lebih menggalakkan terhadap kamakmuran, kebahagiaan dan keamanan yang berterusan dan berkekalan, dalam tahun-tahun yang berikutnya, bagi rakyat dan negara seluruhnya.

4. Bagi saya, tahun 1976 merupakan tahun yang amat bersejarah, penuh dengan peristiwa-peristiwa penting. Hal ini meliputi, bukan sahaja yang melibatkan diri saya sendiri, bahkan Kerajaan yang saya pimpin, rakyat dan negara yang kita kasihi. Mengingatkan hal ini, saya bersyukur kehadiran ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA, kerana dengan taufik dan hidayahNYA, saya telah mencuba mengatasi segala dugaan, serta menjalani setiap ujian dengan tabah hati, sambil mempelajari banyak pengalaman yang timbul daripadanya.

5. Pengalaman selama satu tahun, mengen-
dalikan jentera pentadbiran Kerajaan dan *parti*,

...4/-

~~parti~~, telah menguatkan lagi semangat dan keyakinan saya, untuk memperjuangkan hasrat dan aspirasi rakyat. Keyakinan saya ialah untuk melaksanakan segala dasar dan rancangan, yang boleh meningkatkan lagi kemakmuran dan kebahagiaan, serta mengeratkan lagi persefahaman dan perpaduan rakyat berbilang kaum, supaya Malaysia yang kita sama-sama bina ini, dapat terus kekal, wujud sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, dalam aman dan sentosa, sehingga ke zaman anak cucu kita kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Kita memasuki tahun 1976 dahulu,

...5/-

dalam suasana yang amat sedih, penuh kesugolan disebabkan kepulangan ke Rahmatullah, Allah-yarham Tun Razak pada 14hb. Januari.

7. Dengan takdir ALLAH yang MAHA BESAR, saya telah diamanahkan mengambil alih, dengan tiba-tiba, segala tugas dan tanggungjawab pucuk pimpinan dan pentadbiran negara dan parti. Saya menghadapi tugas meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara, yang baru sahaja pulih, dari tekanan inflasi dan recesasi dunia, yang telah juga melanda negara kita.

8. Sebelum menghadiri Persidangan Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, saya terlebih

dahulu mengunjungi negara-negara jiran, iaitu Indonesia, Singapura dan Negeri Thai, untuk memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin negara tersebut, tentang sikap dan pendirian negara kita untuk terus melaksanakan dasar dan hasrat yang telah ditetapkan dan di pelupuri oleh Allahyarham Tun Razak.

9. Hasil dari lawatan kawasan-kawasan jiran dan Persidangan Kemuncak, serta persidangan-persidangan Peringkat Menteri ASEAN, kita telah dapat mengeratkan lagi persefahaman serta menguatkan ikatan kerjasama dalam bidang ekonomi antara negara-negara ASEAN itu.

10. Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim, sebagai Yang Di Pertuan Agong yang ke enam, telah diadakan dengan penuh kehormatan pada 28hb Februari. dan ini berlaku dalam tahun itu.
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Dengan secara kebetulan pula, beberapa bulan selepas Allahyarham Tun Razak meninggalkan kita, sebilangan tokoh-tokoh parti dan Kerajaan telah juga turut meninggalkan kita, iaitu Allahyarham Datuk Wan Abdul Kadir, Mendiang Datuk Athi Nahappan, Allahyarham Tun Haji Mohd. Fuad serta empat orang pemimpin

...8/-

Parti Berjaya Sabah dan Allahyar^{hamah}~~ham~~ Datuk
Ajibah Abol, tokoh pemimpin dan Menteri
Wanita Sarawak yang pertama.

12. Semasa kita masih dalam suasana
duka, kerana kehilangan tokoh-tokoh pemimpin
ini, Parti Komunis Malaya telah pula meningkat
dan meluaskan lagi kegiatan ganas mereka,
yang telah mengakibatkan pengorbanan beberapa
orang pahlawan negara. Alhamdulillah,
syukurlah, dengan ketabahan hati dan kesetiaan
anggota pasukan keselamatan, serta dengan
kerjasama dan sokongan rakyat, keadaan kese-
lamatan telah dapat dikawal. Dengan langkah-
langkah yang ketat, serta tindakan-tindakan

tegas, kita telah mencapai beberapa kejayaan dalam menghadapi ancaman keselamatan musuh ini.

13. Insyaa ALLAH, dengan persetujuan dan pengakuan kerjasama yang lebih erat lagi, yang telah diberikan oleh Perdana Menteri baru Negeri Thai dalam menghapuskan kegiatan-kegiatan pengganas komunis di sempadan, suasana keselamatan di masa hadapan ini, akan menjadi cerah lagi. Perkembangan ini sewajarnya memberikan galakan kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih meningkat, serta kejayaan bagi mencapai pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke tiga, yang lebih pesat lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. Keadaan keselamatan pada keseluruhannya, adalah lebih bertambah baik, berbanding dengan keadaan tahun 1975 dan awal tahun 1976.

Tindakan-tindakan 'suppressive' yang berkesan terhadap anasir-anasir bawah tanah komunis, serta operasi-operasi keselamatan yang dijalankan oleh Pasukan Keselamatan, telah menghasilkan keadaan yang terdapat sekarang ini.

15. Saya merasa amat bangga, kerana sebahagian besar orangramai telah tampil memberikan maklumat-maklumat kepada Pasukan Keselamatan mengenai kegiatan-kegiatan komunis

dan anasir-anasir anti nasional, disamping
melibatkan diri menjaga keamanan dan keselamatan
Negara menerusi Rancangan Rukun Tetangga
dan RELA. Kerjasama serta penglibatan orang
ramai yang menggalakkan ini, menunjukkan
kesediaan rakyat untuk menjaga keselamatan
Negara. Mereka sedar bahawa tugas sedemikian
bukan hanya semata-mata dibebankan kepada
Kerajaan sahaja.

16. Sesungguhnya, pembangunan dan keselamatan
mempunyai kaitan yang amat rapat antara satu
dengan lain. Usaha-usaha pembangunan tidak
akan dapat dilaksanakan dalam suasana keamanan
dan keselamatan yang tidak stabil. Begitu

juga, keamanan dan keselamatan tidak akan kekal tanpa pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Oleh yang demikian, sukalah saya menegaskan sekali lagi pada malam ini bahawa, suasana keamanan dan keselamatan yang stabil, hendaklah dikekalkan dan dipelihara bagi mencapai kebahagiaan, kemakmuran dan keamanan Negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Ramalan ekonomi bagi tahun 1977 pada keseluruhannya, adalah menggalakkan. Walau bagaimanapun, prospek cerah yang dijangkakan itu, tidaklah boleh diterima begitu sahaja. Dengan izin ALLAH, kita bolehlah memastikan

bahawa prospek yang baik ini akan kita gunakan sepenuhnya. Keraguan awal, mengenai kemungkinan pemulihan ekonomi yang perlahan di dalam dunia perusahaan, ~~terutamanya di~~ ~~Amerika Syarikat~~, dan juga kebimbangan mengenai kesan daripada kenaikan harga minyak terhadap kukuhan pemulihan ekonomi dunia, sekarang ini telah berkurangan.

18. Saya mempunyai keyakinan bahawa tahun 1977, akan merupakan tahun yang baik bagi Malaysia, INSYA ALLAH. Harga barangan eksport kita, dijangka akan terus kukuh. Keadaan ini akan menjamin pendapatan yang lebih baik bagi petani-petani kita dan

pertumbuhan dan peningkatan kegiatan ekonomi yang lebih tinggi bagi negara kita. Disamping itu, kita juga menjangkakan bahawa sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih berkesan, dan menyambut baik segala usaha yang sedang dibuat oleh Kerajaan, bagi mengujudkan iklim pelaburan yang menarik.

19. Walau bagaimanapun, harapan yang tinggi ini, hanya akan dapat dicapai melalui kerjasama dan ketekunan semua sektor dalam ekonomi kita. Petani-petani dan pekerja-pekerja kita, kesatuan-kesatuan sekerja dan majikan-majikan, samada dikalangan awam mahupun pihak swasta, hendaklah menumpukan sepenuh usaha mereka,

...15/-

bukan sahaja untuk pengeluaran yang lebih banyak, malah juga perlu mengejar matlamat-matlamat yang sejajar dengan dasar-dasar Kerajaan untuk kepentingan seluruh negara. Dengan kerjasama erat dari semua pihak, saya percaya, kita akan dapat mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, taburan pendapatan yang lebih saksama, dan kesetabilan kewangan yang berkekalan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

20. Dengan ramalan trend ekonomi yang menggalakkan, serta pengeluaran hasil-mahsul negara yang semakin bertambah, akan menguatkan lagi harapan kita untuk mencapai kemajuan

yang lebih tinggi. Perjanjian Perkongsian Pengeluaran Minyak dan Gas, yang telah di tandatangan antara PETRONAS dan Syarikat-Syarikat Minyak baru-baru ini, meyakinkan lagi hasrat kita melaksanakan sepenuhnya Rancangan Malaysia Ke Tiga, yang diharap akan memberikan faedah kepada negara dan rakyat seluruhnya.

21. Sekim Kestabilan Harga Getah, yang telah juga di tanda tandani di Jakarta pada akhir bulan November antara negara-negara pengeluar dan pengeksport getah asli, akan mewujudkan masa depan yang lebih terjamin bagi pekebun-pekebun kecil getah.

22. Pada hemat saya, tahun 1977 sesungguhnya, merupakan tahun yang amat penting bagi kita,

kerana ia membawa banyak pengertian. Pada tahun hadapan ini, kita akan mencapai genap usia 20 tahun kemerdekaan. Kita akan mula melangkah masuk ke tahun 21, yang memerlukan persediaan bagi panduan hidup kedewasaan kita seterusnya.

23. Selama ini, kita telahpun dapat mengisikan kemerdekaan kita dalam berbagai bidang pembangunan ekonomi dan sosial, serta membina asas yang kukuh bagi mengeratkan lagi perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat berbilang kaum. Apa yang diperlukan sekarang ini, ialah bagi setiap rakyat memelihara serta menjaminkan supaya perpaduan yang telah kita bina itu, kemajuan yang telah kita capai

selama ini, serta sistem cara hidup bebas dan berdemokrasi yang telah lama kita amalkan, akan terus kekal dan meningkat, dan boleh diwarisi oleh anak-cucu kita kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

24. Bagi mencapai matlamat ini, tiap-tiap rakyat terutama pengusahawan dan firma-firma, hendaklah berusaha dengan lebih giat lagi serta dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan, membantu menjayakan hasrat Kerajaan merapatkan lagi jurang perbezaan ekonomi antara kaum dan penduduk di negara ini. Tiap-tiap rancangan hendaklah dikaji dan diteliti, supaya perpaduan kaum dapat dicapai dan

jurang perbezaan yang ujud, tidak menjejias
atau menghalang pencapaian matalamat Dasar
Ekonomi Baru.

25. Demikianlah juga halnya dalam bidang-
bidang pelajaran, khususnya dalam jurusan
sains dan teknologi, ^{dan} pekerjaan, khas dalam
peringkat kemahiran dan pengurusan, serta
juga dalam lapangan perusahaan dan perindus-
trian, terutama dalam usaha menggalakkan
penyertaan Bumiputra dan usahasama. Sebarang
perbuatan yang boleh merenggangkan lagi
jurang perbezaan ini, akan hanya melumpuhkan
cita-cita dan hasrat Dasar Ekonomi Baru.
Sebagaimana kita sedia maklum, tujuan jangka

panjang Dasar Ekonomi Baru itu ialah menguatkan perpaduan negara dan antara kaum.

26. Dalam hubungan ini, saya memandangkan berat kepada gulungan chauvanis yang masih lagi membangkitkan issue-issue sensitif, seperti dasar pelajaran, bahasa dan lain-lain perkara, yang telahpun dipersetujui oleh semua kaum semasa Perlembagaan digubalkan. Perbuatan seperti ini, pada hemat saya, hanyalah menimbulkan kecurigaan dan kesangsian antara gulungan kaum dan masyarakat seluruhnya. Sewajarnya, segala usaha dan tindakan kita itu, ditumpukan kearah pencapaian perpaduan kaum yang lebih erat dan kukuh lagi, bagi menjamin ketenteraman dan keharmonian.

Tiap-tiap rakyat hendaklah sentiasa bercermat, supaya sebarang tindakan dan kata-kata mereka, tidak digunakan oleh pihak musuh, untuk menimbulkan huru-hara dan kecaubilaan di-negara kita ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
27. Sejajar dengan hasrat kita mengekalkan keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan bagi rakyat dan negara kita, Malaysia akan terus menjalankan usaha ke arah pencapaian keamanan dan kestabilan di rantau ini. Usaha kita mewujudkan rantau Asia Tenggara ini sebagai satu kawasan aman, bebas dan berkecuali, akan terus dilaksanakan dengan kerjasama negara-

negara di rantau ini dan kuasa-kuasa besar di dunia.

28. Kita berpendapat bahawa kemajuan yang pesat, patutlah dicapai ke arah per-sefahaman dan kerjasama serantau demi kepentingan dan faedah rakyat dan penduduk di rantau ini. Bagi mencapai matlamat ini, Malaysia akan terus menghulurkan tangan persahabatan kepada semua negara di rantau ini, tanpa mengira corak fahaman dan sistem sosial yang dianuti oleh mereka.

29. Dalam bidang kerjasama serantau ASEAN, kemajuan yang telah dicapai dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan

adalah
~~amatlah~~ memuaskan. Malaysia adalah sentiasa berusaha bagi meningkatkan lagi pelaksanaan keputusan-keputusan yang telah dicapai di-Bali, bagi menghasilkan kemajuan yang lebih tinggi lagi.

30. Malaysia akan mengadakan hubungan dengan semua negara, yang ingin bersahabat dan bekerjasama dengan kita, di atas prinsip sama-rata, hormat menghormati kemerdekaan dan kedaulatan, serta tidak campurtangan dalam hal-ehwal dalam negeri masing-masing. Kita akan memainkan peranan yang positif dalam *pertubuhan* pergerakan negara-negara berkecuali, dalam usaha mencapai matlamat serta ke arah

mengurangkan pertelingkahan dan persingketaan antarabangsa.

31. Kita juga akan terus mengukuhkan persahabatan kita dengan negara-negara ISLAM, serta bekerjasama untuk mencapai kemajuan yang lebih tinggi bagi masyarakat Islam sedunia. Dalam hubungan ini, saya akan melakukan lawatan resmi ke Republic Arab Mesir dan kemudian ke Libya pada bulan depan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

32. Akhirnya, saya sukalah sekali lagi menegaskan pentingnya, tiap-tiap rakyat di-negara ini, menjalankan tugas dan peranan masing-masing, bagi menentukan masa depan kita

yang lebih cemerlang lagi. Saya hanyalah
dapat mendoakan agar segala cita-cita
dan harapan kita itu, akan dimakbulkan oleh
ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA. INSYA ALLAH,
MALAYSIA akan tetap wujud, kekal dan maju.

SELAMAT TAHUN BARU DAN SELAMAT MALAM.



**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



JUL 1978

No Siri	620
No Penerimaan	13/84